



SIARAN MEDIA

MESYUARAT JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI) BIL 2/2025

KUALA LUMPUR, 4 NOVEMBER 2025 – Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) Bilangan 2/2025 telah dipengerusikan secara bersama oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Mesyuarat telah bersetuju dan meluluskan pelaksanaan **Jelajah Harmoni MADANI Belia Antara Agama ASEAN 2026**, anjuran **Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)** dengan kerjasama **Kementerian Perpaduan Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)** serta pertubuhan-pertubuhan agama pelbagai kepercayaan. Program yang akan berlangsung dari Januari hingga September 2026 di seluruh Malaysia ini bertujuan memperkukuh kepimpinan belia beragama, mengarusperdanakan konsep harmoni dalam kepelbagaian, serta membina model komuniti antara agama peringkat ASEAN. Antara aktiviti yang dirancang termasuk **ASEAN MADANI Interfaith Youth Summit**, bengkel dan forum perpaduan antara agama, kunjungan hormat harmoni ke institusi keagamaan, serta program khidmat komuniti rentas agama.

Mesyuarat turut membincangkan pelaksanaan **Inisiatif HARMONI MADANI** dan memutuskan bahawa usaha ini tidak hanya terhad kepada Kementerian Perpaduan Negara atau JAKIM, tetapi perlu disambut serta digerakkan secara kolektif oleh seluruh segmen masyarakat termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO), badan keagamaan, sektor korporat dan pelbagai pihak berkepentingan lain. Inisiatif ini digerakkan bagi mencapai objektif meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam demi memperkukuh hubungan kebersamaan dan keharmonian negara, selain membudayakan amalan menyebarkan mesej keharmonian dan muhibah antara penganut pelbagai agama di Malaysia.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara menekankan Kerjasama antara penganut pelbagai agama merupakan asas yang penting dalam pembinaan Negara Bangsa. Inisiatif interfaith bukan sekadar menggalakkan dialog dan persefahaman, tetapi mengukuhkan jaringan kemasyarakatan yang menjadi teras kepada perpaduan dan kestabilan Malaysia pada masa hadapan.

Manakala YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menyatakan bahawa komitmen kerajaan dalam memperkukuh keharmonian antara penganut pelbagai agama adalah sejajar dengan gagasan Malaysia MADANI yang menekankan nilai saling menghormati, kasih sayang, dan tanggungjawab bersama sebagai rakyat Malaysia. Beliau menegaskan bahawa platform seperti HARMONI menjadi wahana penting untuk memperkukuh dialog antara agama secara berhemah, mengelakkan salah faham, serta mengangkat nilai ta'aruf dan tasamuh dalam masyarakat majmuk. Tambah beliau, melalui kolaborasi erat antara agensi kerajaan, pertubuhan agama, dan masyarakat sivil, Malaysia akan terus menjadi model negara Islam yang progresif, terbuka dan aman, yang dihormati di rantau ini kerana berjaya mengurus kepelbagaian dengan penuh hikmah dan kematangan.

Kedua-dua Menteri menyatakan harapannya agar Jawatankuasa HARMONI menjadi platform yang berkesan dalam menguruskan isu-isu perpaduan dan memupuk persefahaman dan keharmonian antara ketua-ketua agama dan penganut agama bagi menyokong matlamat membangun Malaysia MADANI.

JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI)

4 November 2025

KPN.100-9/1/16 (93)